



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

LAPORAN PROJEK BANGSA JOHOR BAHAGIA

UHAK1012 - GRADUATE STUDENT ATTRIBUTE

SECTION 24

1. SYAHUDZAIFI BIN SYAHIR NOR AZLEY	A17KM0417
2. MOHAMAD ZULKAMAL BIN ANWAR	A17KM0163
3. MOHAMAD AMIN IZUDDIN BIN MOHD ASRI	A17KM0144
4. MUHAMMAD IZZAT BIN TAJUDIN	A17KM0287
5. MUHAMMAD IMAN SYAFIQ BIN RUSLAN	A17KM0280
6. MUHAMMAD AIMAN AJWAD BIN MOHD ANUAR	A17KM0207
7. MOHD AIZUDDIN BIN NYAN	A17KM0172
8. AMIRRUL AIMAN BIN ROSLI	A18CS3042
9. AMIR SHAKIR BIN AMIR HAMZAH	A18CS3014
10. MUHAMMAD NUR AQIL BIN FAIZAN	A17KM0301
11. HAZIQ IRFAN BIN GHAZALI	A18CS3047
12. ABDUL MOEED REHMAN	A17KM0482
13. MUHAMMAD HAIQAL BIN ABDUL RAHMAN	A17KM0261

LECTURER : DR SYAMSUL HENDRA B. MAHMUD

1.0 NAMA PROGRAM

Program Pembangunan Bawah Kolong Dibawah Program Bangsa Johor
Bahagia

2.0 PENGANJUR

Pelajar-pelajar subjek Graduate Success Attributes dengan kerjasama
Universiti Teknologi Malaysia

3.0 TARIKH

6 dan 7 Disember 2019

4.0 TEMPAT

Perbadanan Merak, Rumah Pangsa Bandar Baru Kangkar Pulai

5.0 JUMLAH PESERTA

13 orang subjek Graduate Success Attributes dibantu oleh 8 orang pelajar
School of Education

6.0 LAPORAN PROGRAM

LAPORAN PROJEK BANGSA JOHOR BERJAYA

Projek Bangsa Johor Bahagia yang diketuai oleh Dr Syamsul Hendra bin Mahmud ini merupakan sebuah projek untuk membangunkan dan menceriakan kawasan di beberapa perbadanan flat di Kangkar Pulai, Johor. Para pelajar GSA seksyen 24 ditugaskan oleh beliau untuk menjalankan projek tersebut sebagai projek semester kami. Kami kemudian dipecahkan kepada 4 kumpulan besar rata-rata seramai 13 orang per kumpulan. Sebanyak 4 buah perbadanan flat diagihkan kepada 4 kumpulan tersebut sebagai lokasi untuk menjalankan projek ini. Kumpulan kami ditugaskan untuk menjayakan perbadanan Merak.

Kami telah menjalankan beberapa perjumpaan bersama pihak perbadanan Merak untuk berbincang tentang reka bentuk secara terperinci mengenai projek Bangsa Johor Bahagia ini. Rekaan seperti rak buku, pagar, perabot, mural dan aktiviti lantai telah dibincang bersama pihak penduduk. Dengan itu, rekaan dan tema kawasan bawah kolong tersebut telah dikenalpasti dan mencapai persetujuan antara kedua-dua pihak. Tema untuk kawasan bawah kolong tersebut adalah alam sekitar. Kami mencadangkan beberapa contoh warna untuk dipadankan dengan tema tersebut. Ukuran kerja kayu seperti perabot, rak kayu dan pagar juga telah diambil oleh kami sepanjang perjumpaan tersebut.

Persediaan yang rapi juga telah dibuat seperti membeli dan menyediakan barang-barang keperluan untuk digunakan pada hari projek. Barang-barang seperti penukul, berus cat dan sebagainya telah dibeli di kedai berdekatan dengan universiti di bawah pengawasan Dr Syamsul Hendra. Persiapan dibuat di dalam lingkungan seminggu sebelum program dijalankan bagi memastikan proses program berjalan dengan lancar.

Pada hari pertama program pada 6/12/2019 (Jumaat), semua peserta berkumpul di perhentian bas FABU, UTM pada jam 8.00 pagi dan mendengar taklimat daripada Pensyarah, Dr.Syamsul Hendra B. Mahmud. Pada jam 8.15 pagi peserta telah menaiki bas untuk bertolak ke destinasi. Bas tiba di lokasi pada pukul 8.50 pagi dan ketibaan para peserta disambut oleh penduduk flat tersebut. Para pelajar diberi sarapan pagi yang disediakan oleh penduduk disitu sebelum memulakan aktiviti masing-masing. Selepas habis menjamu selera, para peserta dikehendaki berkumpul untuk dibahagikan kumpulan mengikut aktiviti yang perlu dilakukan. Kumpulan mempunyai empat kumpulan yang terdiri daripada kumpulan untuk menghasilkan

mural, bookshelf dan furniture. Setiap kumpulan mempunyai 10 ahli yang terdiri daripada tiga seksyen. Setiap ketua kumpulan memberi taklimat kepada ahli masing-masing.

Kumpulan mengecat mengambil inisiatif untuk mengecat syiling dan melakukan mural di hari pertama kerana kerja tersebut boleh dilakukan dengan pembahagian ahli kumpulan. Daripada 10 anggota kumpulan tersebut, 2 orang ditugaskan untuk mengecat syiling, 2 orang ditugaskan mengecat semula tiang dengan warna putih dan 2 orang lagi melakukan “design” mural dan selebihnya membantu mengecat “design” yang telah disediakan di tiang. Hal ini, mempercepatkan proses kerja dimana sebelum jam menunjukkan 12.00 tengahari proses mural telah mencapai 50% siap. Kami hanya mempunyai kekangan waktu dimana kami harus menunggu cat kering terlebih dahulu sebelum proses lain dapat dilakukan. Suasana angin kuat pada hari tersebut membantu mempercepatkan kerja kami, dimana cat yang diwarnakan di dinding kering dengan kadar yang lebih cepat. Pada jam 12.00 tengahari, kami berhenti berehat untuk makan dan minum sebelum menunaikan solat jumaat. Selepas menunaikan solat jumaat, sekitar 3.00 petang, kami meneruskan “design” mural yang tinggal dan siap pada jam 4.00 petang. Proses mengecat lantai tidak dapat dibuat kerana proses mengecat syiling belum siap. Proses mengecat syiling menghadapi kekangan dimana cat yg diwarnakan sering tanggal walaupun sudah dikikis sebelum dicat. Hal ini melambatkan proses mengecat dimana kami terpaksa menggunakan berus untuk mengecat kawasan yang tidak boleh dicat oleh pengelek cat. Penambahan ahli pengecat syiling juga tidak boleh ditambah kerana kekangan peralatan seperti tangga untuk proses mengecat di mana tangga yang disediakan hanyalah dua tangga. Oleh itu, proses mengecat syiling terpaksa ditangguhkan kerana jam telah menunjukkan pukul 5.00 petang dimana bas telah menunggu kami untuk dibawa pulang.

Bagi kumpulan furniture, para pelajar telah diberi taklimat tentang pemilihan kayu pallet yang bersesuaian untuk menghasilkan meja disudut dinding. Pemilihan kayu yang telah disediakan oleh penduduk memerlukan penelitian kerana kayu yang dipilih perlu mempunyai permukaan yang cukup sempurna sifat bagi memudahkan proses pembuatan meja tersebut. Peserta dari kumpulan ini dipecahkan lagi menjadi tiga bahagian yang terdiri dari bahagian memotong kayu, memperhalusi kayu dan pemilihan kayu. Aktivi bertukang ini juga dibantu oleh salah seorang penduduk disitu yang juga mempunyai pengalaman dalam dunia pertukangan kayu pallet ini. Dengan bantuan tersebut para pelajar ini dapat mempelajari ilmu yang sangat berguna serta menjadikan proses menghasilkan amat diteliti dari setiap aspek. Aktiviti hanya sempat berlangsung selama 3 jam kerana pada pukul 12, para pelajar perlu berhenti untuk menikmati juadah tengah hari yang disediakan serta perlu menunaikan solat

jumaat. Pelaksanaan projek kayu ini hanya sampai di peringkat pemotongan kayu serta pembersihan permukaan kayu menggunakan kertas pasir. Pada pukul 2.30, para pelajar meneruskan kerja-kerja memotong dan membersihkan kayu. Para pelajar dibenarkan menggunakan mesin yang disediakan. Peserta mengukur setiap ukuran untuk proses pemotongan. Terdapat beberapa masalah yang merencatkan kerja-kerja seketika yang mana kayu yang dipilih tidak mengikut saiz dan ukuran yang asal. Oleh itu, pemilihan semula perlu dilakukan dan perlu menjalani proses dari awal satu persatu.

Kerja-kerja ini berhenti tepat pukul 4.45 petang. Para peserta perlu menaiki bas pada pukul 5.00 petang. Sebelum pulang, para peserta juga diberikan juadah petang oleh penduduk disitu dimana mereka menyediakan cucur pisang dan keropok lekor. Tepat pukul 5.00 petang, para peserta pulang ke UTM. Para peserta pulang dengan penuh kepenatan sambil memikirkan apa yang harus diselesaikan pada keesokan harinya.

Untuk tugas kumpulan "Bookshelf", para pelajar telah diberi taklimat dan tunjuk ajar tentang cara pemilihan kayu pallet yang bersesuaian untuk menghasilkan rak buku ini. Kayu-kayu pallet telah disediakan oleh penduduk di sana. Untuk menghasilkan rak buku dengan baik, pemilihan kayu pallet sangat penting serta memerlukan penelitian terperinci seperti permukaan kayu yang baik dan tiada kerosakan atau kecacatan supaya proses pembuatan rak buku ini berjalan lancar. Ahli kumpulan telah dibahagikan kepada tiga kumpulan kecil dan tugas yang berbeza terdiri daripada memotong kayu, memperhalusi kayu dan pemilihan kayu. Aktiviti bertukang ini juga dibantu oleh salah seorang penduduk disitu yang juga mempunyai pengalaman dalam dunia pertukangan kayu pallet ini. Dengan bantuan tersebut, para pelajar ini dapat mempelajari ilmu yang sangat berguna serta menjadikan proses penghasilan diteliti dari setiap aspek. Kerja kayu ini sempat berlangsung selama 3 jam kerana pada jam 12 tengah hari para pelajar perlu berhenti untuk menikmati juadah tengah hari yang disediakan serta perlu menunaikan solat jumaat. Pelaksanaan projek kayu ini hanya sempat di peringkat pemotongan kayu serta pembersihan permukaan kayu menggunakan mesin kertas pasir. Pada jam 2.30 petang, para pelajar meneruskan kerja-kerja memotong dan membersihkan kayu. Para pelajar dibenarkan menggunakan mesin yang disediakan dengan berhati-hati. Ukuran terperinci pada setiap kayu pallet dilakukan untuk memudahkan proses pemotongan. Kerja-kerja ini berhenti tepat pukul 4.45 petang. Para pelajar perlu menaiki bas pada pukul 5.00 petang. Sebelum pulang, para pelajar juga diberikan juadah petang oleh penduduk disitu dimana mereka menyediakan pisang goreng dan keropok lekor. Tepat jam 5.00 petang, para pelajar menaiki bas untuk pulang ke UTM.

Hari Kedua Program ini telah berlangsung pada 7 Disember 2019. Kumpulan kami telah bertolak dari UTM pada seawal jam 8 pagi dan tiba di sana pada pukul 8.30 pagi. Tibanya kami disana, kami dihidangkan sarapan pagi Nasi Lemak dan Teh Panas oleh penduduk di blok Merak itu. Selesai sarapan pagi, kami semua berpecah mengikut tugas masing masing. Disebabkan segelintir daripada kumpulan kami mempunyai program lain di blok Jentayu, kami kekurangan tenaga pekerja di hari kedua. 6 orang daripada kami menyambung tugas tempoh hari iaitu mengecat siling dan mengecat mural di setiap tiang di situ. 4 orang pula menyambung kerja mereka iaitu menyapu varnish di setiap pagar yang akan di pasang keliling tempat yang telah dirancangan. Manakala 3 orang daripada kumpulan kami mencantumkan kayu kayu yang telah dipotong dan dilicinkan untuk menjadikan ia meja dan almari. Ahli kumpulan yang menyapu varnish di pagar telah menyidai pagar itu agar cepat kering seawal jam 11 pagi. Ahli kumpulan yang mengecat melaksanakan tugas mengecat syiling dan mural pada pukul 12.30 tengahari. Ahli kumpulan yang ditugaskan dalam bahagian perabot masih belum menyiapkan tugas mereka. Pada pukul 12.30 tengahari kami sekumpulan berehat untuk makan tengahari. Makanan juga telah disediakan oleh Penduduk blok Merak iaitu Nasi Ayam. Pada pukul 1.30 tengahari, kami semua menyambung untuk melakukan tugas kami. Ahli kumpulan yang telah ditugaskan dalam bahagian mural telah membersihkan dan membuang titisan cat di lantai agar mudah untuk dicat. Ahli kumpulan yang bertugas dalam bahagian perabot menyambung tugas mereka untuk mencantumkan meja dan rak buku itu. Ahli kumpulan kami yang bertugas dalam menyapu varnis di pagar terpaksa beredar dahulu kerana mereka terlibat di dalam program di blok Jentayu. Pada pukul 3 petang, ahli kumpulan yang bertugas dalam bahagian mural telah mengecat lantai dengan warna kelabu. Ahli kumpulan yang sedang menyiapkan meja telah menyiapkan meja sudut manakala ahli kumpulan yang sedang memasang rak buku itu sedang meletakkan wood filler di bahagian lubang skru agar ianya nampak lebih kemas. Pada pukul 4, penduduk di situ telah menyediakan minum petang iaitu pisang goreng dan keropok lekor untuk dimakan oleh kumpulan ini. Ahli kumpulan mural telah menyelesaikan tugas mereka iaitu mengecat lantai dan sedang menunggu cat itu kering. Ahli kumpulan perabot pula telah menyiapkan meja sudut dan rak buku mereka dengan jayanya. Pada pukul 5 petang, kumpulan kami telah menyiapkan kesemua tugas yang telah diberikan dan dibincangkan bersama penduduk. Kumpulan kami bergambar bersama dengan hasil kerja kami dan penduduk disitu dan beransur pulang. Kami tiba di UTM pada pukul 5.30 petang. Dengan itu selesai program khidmat masyarakat kami di Kangkar Pulai.

Kesimpulannya, aktiviti khidmat masyarakat ini dapat mengajar kita untuk lebih bekerjasama dalam pasukan untuk menyiapkan sesuatu tugas kerana dengan adanya kerjasama dalam pasukan, tugas yang diberi dapat disiapkan dalam jangka masa yang lebih pendek. Sifat bekerjasama juga penting untuk menyelesaikan masalah kerana lebih banyak pendapat yang boleh disumbangkan oleh ahli pasukan.

Aktiviti ini juga memberi ruang kepada semua peserta untuk menjadi lebih kreatif dalam menyampaikan idea-idea baru untuk menghias dan mencantikkan suasana kawasan di bawah flat tersebut. Perkara ini bagus untuk pembentukan cara berfikir mahasiswa dan mahasiswi yang lebih kreatif.

Selain itu, aktiviti ini memupuk semangat perpaduan antara kaum. Peserta yang hadir untuk aktiviti ini terdiri daripada bangsa Melayu, Cina dan India. Peserta dapat berbincang dan bertukar-tukar pandangan. Sekiranya hal ini dilakukan pasti akan melahirkan keadaan yang saling bertoleransi sesama masyarakat.

Khidmat masyarakat ini mampu menimbulkan nilai positif dalam diri masyarakat. Semua manusia menginginkan ketenangan apabila berada di sesuatu tempat. Jadi apa bila semua peserta bergotong-royong, ia dapat memberikan suasana selesa untuk masyarakat setempat. Kesannya, sekiranya kawasan sekeliling bersih dan ceria, ia dapat memberikan perasaan positif malah kita akan menjadi masyarakat yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan diri sendiri.

Sekali lagi diucapkan jutaan terima kasih diucapkan kepada pensyarah subjek Graduate Success Attribute kami (UHAK1012), Dr. Syamsul Hendra bin Mahmud yang bertungkus lumus membimbing kami bagi menjayakan aktiviti khidmat masyarakat di Flat Bandar Baru Kangkar Pulai.

7.0 LAMPIRAN

Sebelum Program



Selepas program

